

Tidak boleh bertanding lima tahun

- 4 MAR 1990

peranan ini ialah berikutan tindakan Dato' Shahrir Samad meletakkan jawatan sebagai ahli Parlimen Johor Baharu dan bertanding semula di kerusi sama pada tahun 1988.

Ditanya mengapa seorang wakil rakyat yang meletakkan jawatan ahli Dewan Undangan Negeri dibenarkan bertanding sebagai ahli Dewan Rakyat dan sebaliknya, beliau berkata terdapat beberapa sebab mengapa kelonggaran itu dibenarkan.

"Sebagai contoh dalam kes Dato' Lim Ah

Lek, kita mahu melantik beliau sebagai menteri dan untuk menjadi menteri seseorang wakil rakyat perlu menduduki kerusi Parlimen jadi beliau kena melepaskan

jabatannya di Dewan Undangan Negeri dan bertanding di kawasan Parlimen.

"Tetapi itu cuma kehendak parti kerana kalau beliau tidak mahu melepaskan kerusi

Dewan Undangan Negeri dan bertanding untuk kerusi Parlimen pun boleh. Cuma parti mahu beliau pegang satu kerusi sahaja," ujar Dato' Sri Dr. Mahathir.

Bagaimanapun katanya, pindaan tersebut tidak meliputi soal menghalang wakil rakyat dari berpindah ke parti lain sepertimana yang diamalkan di Sabah.

Wakil rakyat letak jawatan tak boleh bertanding 5 tahun

M.O. - 4 MAR 1990

KUALA LUMPUR 3 Mac — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad berkata, seseorang wakil rakyat yang meletakkan jawatan mereka tidak akan dibenarkan bertanding semula untuk tempoh selama lima tahun di kerusi yang sama jika pindaan ke atas Akta Pilihanraya diluluskan.

"Jika seorang ahli Dewan Undangan Negeri meletakkan jawatan untuk bertanding di Dewan Undangan Negeri itu tidak boleh, tetapi sekiranya dia bertanding di Dewan Rakyat itu dibenarkan, begitu juga kepada ahli Dewan Rakyat.

"Kalau wakil rakyat itu letak jawatan untuk bertanding di kerusi yang sama bermakna selama lima tahun dia tidak boleh bertanding dan tempoh itu dikira dari tarikh surat perletakan jawatan," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Dato' Dr. Yusof Noor telah membentangkan rang undang-undang tersebut di Dewan Rakyat Khamis lalu untuk bacaan kali pertama.

Bercakap kepada para wartawan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO di ibu pejabat parti di sini petang ini, Dato' Sri Dr. Mahathir menegaskan, tujuan kerajaan hendak meminda Akta Pilihanraya adalah supaya pilihanraya tidak dijadikan alat permainan.

"Jika pilihanraya kecil diadakan sewenang-wenangnya ini sudah jadi

LIHAT MUKA 5

macam permainan dan ia hanya membazirkan wang kerajaan dan wang rakyat.

Ditanya mengenai pindaan tersebut beliau menerangkan Rang Undang-Undang Pilihanraya itu jika diluluskan akan menghalang seseorang ahli Dewan Undangan Negeri yang meletakkan jawatan mereka dari bertanding kerusi yang sama.

Katanya, perkara yang sama turut dikenakan ke atas ahli Dewan Rakyat.

Perlu disebut desakan supaya diadakan